


REPEALED BY ACT 481

Cetakan Semula No. 1 tahun 1978



# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 72

AKTA PERBADANAN KEMAJUAN PELANCUNGAN  
MALAYSIA, 1972

*Dicetak oleh Ketua Pengarah Percetakan,  
Malaysia Barat, dengan kuasa Pesuruhjaya  
Penyemak Undang-undang di bawah seksyen 14  
Akta Penyemakan Undang-undang (Akta 1), dan  
mengandungi undang-undang yang dipinda sebagai-  
mana berkuatkuasa pada 31hb Julai, 1978*

Tarikh Persetujuan Diraja ... 23hb Mac, 1972

Tarikh disiarkan dalam *Warta* ... 30hb Mac, 1972

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 72****AKTA PERBADANAN KEMAJUAN PELANCUNGAN  
MALAYSIA, 1972**

---

**SUSUNAN SEKSYEN-SEKSYEN**

---

**BAHAGIAN I  
PERMULAAN**

Seksyen

1. Tajuk ringkas.
2. Tafsiran.

**BAHAGIAN II  
PERBADANAN**

3. Perbadanan.
4. Tugas-tugas Perbadanan.
5. Lembaga Pengurus.

**BAHAGIAN III**

6. *(Dimansuhkan oleh Akta A307).*

**BAHAGIAN IV  
PENTADBIRAN**

7. ~~Perlantikan Pengarah dan lain-lain penjawat Lembaga.~~

7A

**BAHAGIAN V  
KEWANGAN**

8. Kumpulanwang Perbadanan.
9. Kuasa meminjam.
10. Pelaburan.
11. Kewangan.
12. Akaun dan odit.

BAHAGIAN VA

KUASA-KUASA BERHUBUNG DENGAN  
PENGUATKUASAAN

Seksyen

- 12A. Memberi kuasa kepada pegawai bagi menjalankan kuasa-kuasa di bawah Bahagian ini.
- 12B. Kuasa untuk menangkap.
- 12C. Menggelidah dengan waran.
- 12D. Menggelidah tanpa waran.
- 12E. Senarai benda-benda yang disita.
- 12F. Memulangkan benda-benda yang disita.
- 12G. Kuasa untuk menyiasat.
- 12H. Menjalankan pendakwaan.
- 12I. Kuasa untuk memeriksa.
- 12J. ~~Mengkompau kesalahan-kesalahan.~~  
12K  
12L  
12M
- 13. Laporan Tahunan.
- 14. Peraturan-peraturan.
- 15. Rahsia dan penalti.
- 16. Kanun Keseksaan.
- 17. Perlindungan daripada pembicaraan undang-undang.
- 18. Meteri Perbadanan.
- 19. Perwakilan oleh Lembaga.
- 20. Arahan-arahan oleh Menteri.
- 21. Tidak layak diambil bekerja sebagai pegawai-pegawai Perbadanan.
- 21A  
22. Pemensuhan.

Bagian VB  
BAHAGIAN VI  
AM

{ 12N  
12O  
12P  
12Q  
12R

JADUAL

BAHAGIAN I—Lembaga Pengurus.

BAHAGIAN II—(Dimansuhkan).

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA**

**Akta 72**

**AKTA PERBADANAN KEMAJUAN PELANCUNGAN  
MALAYSIA, 1972**

**SENARAI PINDAAN**

| Undang-undang<br>yang meminda | Tajuk ringkas   | Berkuatkuasa mulai<br>dari |
|-------------------------------|---|----------------------------|
| Akta A307 ...                 | Akta Perbadanan Kema-<br>juan Pelancungan Malay-<br>sia (Pindaan), 1975 | 15-1-1975                  |
| Akta 160 ...                  | Akta Matawang Malaysia<br>(Ringgit), 1975, s. 2 (2)                     | 29-8-1975                  |

Quantity: 1000000



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 72

AKTA PERBADANAN KEMAJUAN PELANCUNGAN  
MALAYSIA, 1972

Suatu Akta bagi menubuhkan Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia dan bagi membuat peruntukan berkenaan dengan perkara-perkara yang bersangkutan dengannya.

[31hb Mac, 1972.]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya seperti berikut :

BAHAGIAN I  
PERMULAAN

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia, 1972. Tajuk ringkas.
2. Dalam Akta ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain— Tafsiran.
  - “enterpris pelancungan” termasuklah—
    - (a) sesuatu perniagaan yang mengadakan pengangkutan dalam negeri atau antarabangsa bagi penumpang-penumpang;
    - (b) sesuatu perniagaan yang, sama ada kesemua atau sebahagiannya, mengadakan atau mengatur bagi mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan bagi orang-orang yang mengembara dalam Malaysia atau bagi pelawat-pelawat ke Malaysia dengan mengadakan pengangkutan, tempat tinggal, lancungan-lancungan atau pemandu-pemandu, sama ada perkhidmatan-perkhidmatan itu diadakan di dalam atau di luar Malaysia;

[Pin. Akta  
A307.]

(c) sesuatu perniagaan yang, sama ada kesemua atau sebahagiannya, menjual secara runcit barang-barang atau membekal makanan atau minuman kepada orang-orang yang mengembara dalam Malaysia atau kepada pelawat-pelawat ke Malaysia;

(d) apa-apa penyatuan daripada mana-mana perniagaan-perniagaan yang disebutkan dalam (a), (b) atau (c); dan

(e) apa-apa pamiran, pertunjukan, pasaria, kempen penyerantaan atau apa-apa usaha lain yang ditujukan kesemua atau sebahagiannya untuk faedah, atau bagi maksud menarik, pelawat-pelawat ke Malaysia, atau bagi maksud mendorong orang-orang mengembara dalam Malaysia;

"enterprais pelancungan berdaftar"

"hotel pelancung" ertinya mana-mana premis yang di daftarkan sebagai hotel atau rumah penginapan di bawah peruntukan mana-mana undang-undang berhubung dengan hotel dan rumah penginapan dan yang ditetapkan sebagai hotel pelancung di bawah peruntukan peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 14;

"Lembaga" ertinya Lembaga Pengurus yang ditubuhkan di bawah seksyen 5;

"Menteri" ertinya Menteri yang bertanggungjawab bagi Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia;

[Tam. Akta  
A307.]

"pegawai berkuasa" ertinya pegawai yang diberikuasa di bawah seksyen 12A;

[Tam. Akta  
A307.]

"restoran pelancung" ertinya mana-mana premis atau mana-mana bahagian daripadanya yang dibenarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan pelesenan premis untuk menyediakan dan menjual makanan atau minuman, termasuk menjual liquor, yang terletak di dalam atau menjadi sebahagian daripada suatu hotel pelancung atau yang ditetapkan sebagai suatu restoran pelancung di bawah peruntukan peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 14.

## PERBADANAN KEMAJUAN PELANCUNGAN MALAYSIA 9

## BAHAGIAN II

## PERBADANAN

3. Maka adalah dengan ini ditubuhkan suatu pertubuhan perbadanan bernama "Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia" (kemudian daripada ini disebut "Perbadanan") yang kekal turun temurun dan mempunyai suatu meteri dan kuasa bagi memperolehi dan memegang harta alih atau harta takalih dan bagi melupuskannya atau, secara lain, membuat apa-apa urusan mengenainya. Perbadanan.

4. (1) Tugas-tugas Perbadanan ialah—

(a) menyelaraskan aktiviti-aktiviti berhubung dengan perusahaan pelancungan yang dijalankan oleh jabatan-jabatan atau ejensi-ejensi kerajaan atau ejensi-ejensi bukan kerajaan; Tugas-tugas Perbadanan.

(b) membuat syor-syor kepada Kerajaan tentang cara-cara, langkah-langkah dan dasar-dasar yang akan dijalankan bagi memudahkan kemajuan perusahaan pelancungan, dan jika diluluskan oleh Kerajaan, melaksanakannya dan membantu dalam melaksanakannya; dan

(c) amnya menggalakkan di kalangan tempatan dan antarabangsa, dan mengambil bahagian dalam, kemajuan perusahaan pelancungan dalam Malaysia.

(2) Perbadanan adalah berkuasa melakukan segala perkara yang sesuai dengan, atau menasabah perlu bagi, atau bersampingan dengan, menjalankan tugas-tugasnya, dan khususnya, tetapi tanpa menyentuh keluasan yang tersebut di atas—

(a) menjalankan tinjauan-tinjauan dan penyiasatan-penyiasatan berkenaan dengan pelancungan;

(b) menjalankan kajian-kajian kemungkinan bagi memajukan kawasan-kawasan sebagai tempat-tempat peranginan atau tempat-tempat tujuan pengembaraan;

(c) menghendaki jabatan-jabatan, dan ejensi-ejensi kerajaan dan ejensi-ejensi bukan kerajaan yang menguruskan enterpris pelancungan mengemukakan laporan-laporan berkenaan dengan aktiviti-aktivitinya;

(d) mengambil bahagian atau membantu dalam memajukan enterpris pelancungan, dan dalam mengadakan atau memperbaiki kemudahan-kemudahan dan daya-daya penarik bagi pelancung

di dalam dan di luar Malaysia, di mana kerjasama antarabangsa boleh menggiatkan kemajuan Malaysia atau mana-mana bahagiannya sebagai tempat peranginan atau tempat tujuan pengembaraan;

[Gan. Akta  
A307.]

- (e) dengan kelulusan Menteri, mengikat penyertaan ekuiti dalam memajukan enterprais pelancungan, dan mengadakan kemudahan-kemudahan bagi pelancung, atau mengembangkan atau menggalakkan penubuhan atau perkembangan syarikat-syarikat, perbadanan-perbadanan atau badan-badan lain untuk menjalankan aktiviti-aktiviti itu sama ada di bawah kawalan atau separa kawalan Perbadanan atau secara bebas;
- (f) mendapatkan penyerantaan tempatan dan luar negeri untuk menggalakkan pengembaraan dalam Malaysia dan untuk menarik pelawat-pelawat ke Malaysia;
- (g) tertakluk kepada peruntukan apa-apa peraturan yang dibuat di bawah seksyen 14—
  - (i) menetapkan standad-standad yang akan disenggara oleh enterprais pelancungan;
  - (ii) mendaftar mana-mana kelas atau kelas-kelas enterprais pelancungan, menetapkan syarat-syarat pendaftaran enterprais itu dan bayaran-bayaran yang boleh dikenakan, dan memungut bayaran-bayaran itu;
  - (iii) menetapkan mana-mana premis yang didaftarkan sebagai hotel atau rumah penginapan sebagai hotel pelancung;
  - (iv) menetapkan mana-mana premis atau mana-mana bahagiannya sebagai restoran pelancung;
- (h) memperolehi, membeli, memajak, menyewa, memegang dan menikmati apa-apa jenis harta alih dan harta takalih dan memindahak, menyerahkan, menyerahkan balik dan memulang, menggadai, menggadaijanji, mendemais, menyerahkan semula, memindahmilik atau secara lain melupuskan, atau membuat apa-apa urusan atau memajukan apa-apa harta alih atau harta takalih kepunyaan Perbadanan atas syarat-syarat yang difikirkan patut oleh Lembaga;
- (i) mengikat sesuatu kontrak dengan mana-mana pihak;

[Tan. Akta  
A307.]

- (j) menerima sesuatu kamsin atau bayaran sebagai mana yang dipersetujui sebagai balasan bagi perkhidmatan yang diberi olehnya;
- (k) menjalankan segala tugas dan kuasa dan melaksanakan segala kewajipan yang terletak hak atau diwakilkan kepadanya di bawah atau menurut mana-mana undang-undang bertulis lain; dan
- (l) dengan kelulusan Menteri dan selepas berunding dengan Menteri Kewangan, mengenakan ses ke atas sesuatu enterpris pelancungan termasuk ses ke atas hotel-hotel pelancung dan restoran-restoran pelancung. [Gan. Akta  
A307.]

5. (1) Pengurusan hal-ehwal Perbadanan hendaklah terletak pada suatu Lembaga Pengurus yang terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan tidak kurang daripada enam tetapi tidak lebih daripada sepuluh orang ahli yang akan dilantik oleh Menteri mengikut cara yang dinyatakan dalam seksyen-kecil (2). Lembaga  
Pengurus.  
[Pin. Akta  
A307.]

(1A) Lembaga boleh mewakilkan mana-mana daripada kuasa-kuasa dan tugas-tugasnya kepada Pengerusi.

(2) Pengerusi dan Timbalan Pengerusi hendaklah dilantik dari antara orang-orang yang pada pendapat Menteri mempunyai pengalaman yang luas dalam enterpris pelancungan atau dalam lain-lain lapangan aktiviti yang boleh jadi sangat berfaedah dalam memajukan pelancungan, dan ahli-ahli itu hendaklah dilantik seperti berikut—

- (a) sekurang-kurangnya empat orang daripada ahli-ahli itu hendaklah orang-orang yang tidak memegang apa-apa jawatan awam tetapi hendaklah orang-orang yang ada hubungan dengan sesuatu enterpris pelancungan;
- (b) sekurang-kurangnya dua orang ahli hendaklah masing-masing wakil dari Kementerian yang bertanggungjawab bagi pelancungan dan Kementerian Kewangan; dan
- (c) mana-mana orang lain yang difikirkan patut dan layak oleh Menteri untuk menjadi ahli Lembaga.

(2A) Timbalan Pengerusi yang juga menjadi Ketua Pengarah hendaklah menjadi ketua eksekutif Perbadanan.

(3) Lembaga hendaklah bertanggungjawab bagi menjalankan tugas-tugas dan pentadbiran am hal-ehwal dan urusan Perbadanan.

(4) Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan ahli-ahli Lembaga, lain daripada ahli-ahli yang dilantik mengikut perenggan (b) seksyen-kecil (2), boleh dibayar saraan mengikut sebanyak mana yang ditetapkan oleh Menteri.

(5) Peruntukan-peruntukan Bahagian I dalam Jadual kepada Akta ini hendaklah dipakai bagi Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan ahli-ahli Lembaga.

BAHAGIAN III

6. (Dimansuhkan oleh Akta A307.)

BAHAGIAN IV

PENTADBIRAN

Perlantikan  
Pengarah  
dan lain-lain  
penjawat  
Lembaga.  
[Pin. Akta  
A307.]

7. (1) Ketua Pengarah bersama-sama dengan Pengarah atau pengarah-pengarah yang dilantik oleh Lembaga dengan kelulusan Menteri hendaklah bertanggungjawab atas pentadbiran dan pengurusan hari ke sehari hal-ehwal Perbadanan dan hendaklah menjalankan apa-apa kewajipan dan kuasa yang diamanah atau diwakilkan oleh Lembaga atau oleh Pengerusi Lembaga apabila bertindak bagi pihak Lembaga:

Dengan syarat bahawa Pengarah dan pengarah-pengarah yang pertama selepas sahaja mula berkuatkuasanya Akta ini tidak boleh dilantik sebagaimana diperuntukkan di atas tetapi sebaliknya hendaklah dilantik oleh Menteri.

(2) Lembaga boleh melantik pegawai-pegawai dan penjawat-penjawat lain sebagaimana yang difikirkannya perlu untuk menjalankan hal-ehwal Perbadanan dengan cekap.

(2A) Ketua Pengarah hendaklah bertanggungjawab kepada Pengerusi Lembaga, apabila bertindak bagi pihak Lembaga.

(3) Pengarah atau pengarah-pengarah dan lain-lain pegawai dan penjawat Perbadanan hendaklah bertanggungjawab kepada Lembaga.

(4) Pengarah atau pengarah-pengarah, pegawai-pegawai dan penjawat-penjawat Perbadanan hendaklah memegang jawatan selama satu atau beberapa tempoh, menerima apa-apa gaji dan elaun dan hendaklah tertakluk kepada apa-apa syarat perkhidmatan mengikut sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga dengan kelulusan Menteri.

Subby  
A-A 511

## PERBADANAN KEMAJUAN PELANCUNGAN MALAYSIA 13

## BAHAGIAN V

## KEWANGAN

8. Bagi maksud Akta ini, maka adalah dengan ini ditubuhkan suatu kumpulanwang (kemudian daripada ini disebut "Kumpulanwang") yang akan ditadbir dan dikawal oleh Perbadanan—

Kumpulan-  
wang  
Perbadanan.

(a) yang ke dalamnya akan dimasukkan—

- (i) apa-apa wang yang diperuntukkan dari semasa ke semasa oleh Parlimen;
- (ii) apa-apa wang yang dipinjam dari semasa ke semasa oleh Perbadanan bagi maksud menjelaskan apa-apa tanggungannya atau menjalankan apa-apa kewajipannya;
- (iii) segala wang yang didapati daripada menjalankan apa-apa projek, skim atau enterprais yang dibiayai dari Kumpulanwang;
- (iv) segala wang yang didapati atau terbit daripada mana-mana harta, pelaburan, gadaijanji, gadaian atau debentur-debentur yang diperolehi oleh atau terletak pada Perbadanan; dan
- (v) segala wang termasuk ses dan bayaran atau harta lain yang mungkin dengan apa-apa cara kena dibayar atau terletak pada Perbadanan berkenaan dengan apa-apa perkara bersampingan dengan kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipannya;

[Pin. Akta  
A307.]

(b) yang darinya akan dibayar—

- (i) semua perbelanjaan (termasuk perbelanjaan modal) yang dilakukan oleh Perbadanan pada menjalankan tugas-tugasnya;
- (ii) wang bagi membayar balik apa-apa pinjaman yang telah diberi kepada Perbadanan menurut kuasanya untuk meminjam.

9. Perbadanan boleh, atas had-had dan syarat-syarat yang diluluskan oleh Menteri Kewangan, meminjam wang sebanyak yang diperlukan olehnya bagi menjalankan apa-apa tugasnya di bawah Akta ini.

Kuasa  
meminjam.

**Pelaburan.** 10. Aset Perbadanan, setakat mana yang tidak dikehendaki untuk dibelanjakan oleh Perbadanan di bawah Akta ini, hendaklah dilaburkan mengikut cara yang diluluskan oleh Menteri Kewangan.

**Kewangan.** 11. (1) Perbelanjaan Perbadanan hingga amaun yang di benarkan oleh Menteri bagi mana-mana satu tahun hendaklah dibayar dari Kumpulanwang.

(2) Sebelum permulaan bulan September tiap-tiap satu tahun, Perbadanan hendaklah mengemukakan kepada Menteri suatu anggaran perbelanjaan (termasuk perbelanjaan bagi projek-projek pembangunan) bagi tahun yang berikutnya mengikut apa-apa bentuk dan dengan mengandungi apa-apa butir sebagaimana yang dikehendaki oleh Menteri; dan sebelum permulaan bulan November tahun tersebut Menteri hendaklah memberitahu Perbadanan amaun wang yang dibenarkan untuk perbelanjaan amnya atau amaun-amaun yang dibenarkan bagi tiap-tiap satu jenis perbelanjaan.

(3) Perbadanan boleh, pada bila-bila masa, mengemukakan kepada Menteri suatu anggaran tambahan bagi mana-mana satu tahun dan Menteri boleh membenarkan kesemua atau mana-mana bahagian perbelanjaan tambahan yang dimasukkan di dalam anggaran tambahan itu.

**Akaun dan odit.** 12. (1) Perbadanan hendaklah menyimpan dengan sewajarnya semua akaun dan rekod lain berkenaan dengan perjalanannya dan hendaklah menyediakan penyataan-penyataan akaun bagi tiap-tiap satu tahun kewangan.

(2) Akaun Perbadanan hendaklah diodit tiap-tiap tahun oleh Ketua Odit Negara atau juru-juru odit lain yang dilantik oleh Perbadanan dengan kelulusan Menteri.

(3) Selepas akhir tiap-tiap satu tahun kewangan, dan selepas sahaja akaun-akaun Perbadanan diodit, Perbadanan hendaklah menyebabkan satu salinan penyataan akaun itu mengikut sebagaimana yang dikehendaki oleh Menteri dihantar kepada Menteri, bersama dengan satu salinan apa-apa pandangan yang dibuat oleh Ketua Odit Negara atau juru-juru odit lain yang dilantik di bawah seksyen-kecil (2) mengenai mana-mana penyataan atau akaun-akaun Perbadanan; dan Menteri hendaklah menyebabkan satu salinan penyataan dan pandangan itu dibentangkan dalam tiap-tiap satu Majlis Parlimen.

## BAHAGIAN VA\*

## KUASA-KUASA BERHUBUNG DENGAN PENGUATKUASAAN

12A. (1) Menteri boleh memberikuasa secara bertulis kepada mana-mana pegawai awam atau pegawai Perbadanan untuk menjalankan kuasa-kuasa di bawah Bahagian ini.

Memberikuasa kepada pegawai bagi menjalankan kuasa-kuasa di bawah Bahagian ini.  
*N.M.B.*  
*Bab. 45.*

(2) Mana-mana pegawai itu hendaklah disifatkan sebagai penjawat awam dalam erti Kanun Keseksaan.

(3) Pada menjalankan mana-mana daripada kuasa-kuasa di bawah Bahagian ini seseorang pegawai hendaklah, apabila diminta, mengemukakan kepada orang yang terhadapnya ia mengambil tindakan di bawah Akta ini suratkuasa yang dikeluarkan kepadanya oleh Menteri.

12B. (1) Seseorang pegawai berkuasa atau pegawai polis boleh menangkap tanpa waran seseorang yang dilihat atau didapati olehnya melakukan atau cuba melakukan atau bersubahat melakukan suatu kesalahan atau yang menasabah disyaknya mengambil bahagian dalam melakukan atau mencuba melakukan atau bersubahat melakukan apa-apa kesalahan terhadap Akta ini jika orang itu enggan atau tidak memberi nama dan alamat tempat kediamannya atau jika ada sebab-sebab yang menasabah bagi mempercayai bahawa ia telah memberi suatu nama atau alamat tempat kediaman yang palsu atau bahawa ia mungkin melarikan diri.

Kuasa untuk menangkap.

(2) Seseorang pegawai berkuasa atau pegawai polis yang membuat suatu penangkapan tanpa waran hendaklah, tanpa kelengahan yang takperlu, membawa orang yang ditangkap itu ke balai polis yang berhampiran sekali.

(3) Tiada seseorang yang telah ditangkap oleh seorang pegawai berkuasa atau pegawai polis boleh dilepaskan kecuali atas bon orang itu sendiri atau atas jaminan atau atas perintah khas yang dibuat secara bertulis oleh seorang Majistret.

12c. (1) Apabila didapati oleh seseorang Majistret dari maklumat bertulis dengan bersumpah dan selepas apa-apa siasatan yang difikirkannya perlu bahawa ada sebab-sebab yang menasabah bagi mempercayai bahawa dalam sesuatu rumah kediaman, kedai, lain-lain bangunan atau tempat suatu kesalahan sedang dilakukan terhadap Akta ini, atau terhadap mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya

Menggelidih dengan waran.

\* Dimasukkan oleh Akta A307—berkuatkuasa mulai dari 15hb Januari 1975.

Majistret itu boleh mengeluarkan suatu waran membenarkan seseorang pegawai berkuasa atau pegawai polis yang dinamakan dalamnya, pada siang atau malam hari dan dengan atau tanpa bantuan untuk memasuki rumah kediaman, kedai, lain-lain bangunan atau tempat itu dan di situ mencari dan mensita atau mengambil salinan-salinan segala buku, akaun, atau lain-lain dokumen yang mengandungi atau disyaki mengandungi maklumat mengenai apa-apa kesalahan yang disyaki sedemikian telah dilakukan atau apa-apa benda lain berhubung dengan kesalahan itu.

(2) Seseorang pegawai itu boleh jika perlu—

- (a) memecah buka sesuatu pintu luar atau pintu dalam rumah kediaman, kedai atau lain-lain bangunan atau tempat itu, dan memasukinya;
- (b) dengan cara kekerasan memasuki tempat itu dan tiap-tiap bahagiannya;
- (c) membuang dengan kekerasan apa-apa halangan yang menyekat kemasukan, pencarian, penyitaan dan pengambilan yang ia diberikuasa melakukan; dan
- (d) menahan tiap-tiap orang yang dijumpai di tempat itu sehingga tempat itu telah digelidahkan.

Mengelidahkan  
tanpa waran.

12D. Apabila didapati oleh seseorang pegawai berkuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor bahawa ada sebab-sebab yang menasabah bagi mempercayai bahawa di dalam sesuatu rumah kediaman, kedai, lain-lain bangunan atau tempat ada tersembunyi atau tersimpan apa-apa buku, akaun atau lain-lain dokumen yang disyaki mengandungi maklumat mengenai sesuatu kesalahan yang dilakukan di bawah Akta ini atau di bawah peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya, atau apa-apa benda lain berhubung dengan kesalahan itu dan jika ia ada sebab-sebab yang menasabah bagi mempercayai bahawa dengan sebab kelengahan bagi mendapatkan suatu waran gelidahkan, buku-buku, akaun-akaun, lain-lain dokumen atau benda itu mungkin dipindahkan, pegawai itu boleh menjalankan dalam, ke atas dan berkenaan dengan rumah kediaman, kedai, lain-lain bangunan atau tempat itu semua kuasa yang disebut dalam seksyen 12C dengan sepenuh dan secukupnya seolah-olah ia diberikuasa berbuat demikian oleh suatu waran yang dikeluarkan di bawah seksyen tersebut.

**12E.** Pegawai berkuasa atau pegawai polis yang mensita sesuatu buku, akaun, dokumen atau lain-lain benda di bawah Bahagian ini hendaklah menyediakan suatu senarai benda-benda yang disita dan menyerahkan dengan segera suatu salinannya yang ditandatangani olehnya kepada penduduk premis itu atau kepada ejen-ejen atau penjawat-penjawatnya yang ada di premis itu.

Senarai benda-benda yang disita.

**12F.** (1) Jika sesuatu buku, akaun atau lain-lain dokumen telah diambil milik di bawah Bahagian ini, Ketua Pengarah hendaklah memulangkannya kepada milik pemunya dalam tempoh empat minggu dari tarikh ia disita jika tiada apa-apa langkah pembicaraan jenayah telah diambil.

Memulangkan benda-benda yang disita.

(2) Ketua Pengarah boleh secara bertulis mewakili kuasa-kuasanya di bawah seksyen kecil (1) kepada seseorang pegawai berkuasa dan boleh pada bila-bila masa membatalkan perwakilan kuasa itu dan walau apapun kuasa-kuasa yang diwakili itu, Ketua Pengarah boleh, jika difikirkannya patut, menjalankan sendiri kuasa-kuasa yang diwakili itu.

**12G.** (1) Seseorang pegawai berkuasa atau pegawai polis adalah mempunyai kuasa untuk menyiasat sesuatu kesalahan yang dilakukan di bawah Akta ini atau di bawah peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya.

Kuasa untuk menyiasat.

(2) Tiap-tiap orang yang dikehendaki oleh seseorang pegawai berkuasa atau pegawai polis memberi maklumat atau mengemukakan apa-apa buku, akaun atau dokumen atau benda lain berhubung dengan kesalahan yang dilakukan itu yang ia berkuasa memberi adalah terikat di sisi undang-undang memberi maklumat atau mengemukakan buku, akaun atau dokumen atau benda lain itu.

**12H.** Sesuatu pendakwaan berkenaan dengan suatu kesalahan terhadap Akta ini boleh dijalankan oleh seorang pegawai berkuasa.

Menjalankan pendakwaan.

**12I.** Tanpa menyentuh peruntukan-peruntukan lain dalam Bahagian ini, sesuatu enterpris pelancungan yang didaftarkan yang memohon untuk didaftarkan atau yang dikehendaki didaftarkan di bawah mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini hendaklah, jika peruntukan

Kuasa untuk memeriksa.

dibuat oleh peraturan-peraturan itu, membenarkan diperiksa premis, buku-buku, akaun-akaun dan dokumen atau benda lain yang dipunyai atau disimpan oleh enterpris pelancungan itu.

Mengkompaun kesalahan-kesalahan.

*Sub by  
H-A 511*

12. Seseorang pegawai berkuasa boleh, menurut budi-bicaranya, mengkompaun apa-apa kesalahan terhadap Akta ini atau terhadap peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan di bawah seksyen 14 sebagai kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun dengan memungut daripada orang yang menasabah disyaki melakukan kesalahan itu sejumlah wang tidak lebih daripada lima ratus ringgit.

A-A 511

BAHAGIAN VB  
BAHAGIAN VI

AM

Laporan tahunan.

13. (1) Perbadanan hendaklah, tidak lewat daripada 30 haribulan Jun tiap-tiap satu tahun, menyebabkan dibuat dan dihantar kepada Menteri suatu laporan berkenaan dengan aktiviti-aktiviti Perbadanan dalam masa tahun yang lalu dan mengandungi apa-apa maklumat berhubung dengan perjalanan dan dasar Perbadanan.

Peraturan-peraturan.  
[Pin. Akta A307.]

14. (1) Perbadanan boleh, dengan kelulusan Menteri, membuat apa-apa peraturan yang sesuai atau perlu bagi menetapkan sesuatu yang dikehendaki oleh Akta ini dan bagi melaksanakan tugas-tugas dan kuasa-kuasanya dan lain-lain peruntukan Akta ini dengan cara lebih baik.

[Gan. Akta A307.]

(2) Tanpa menyentuh seksyen-kecil (1), peraturan-peraturan di bawah seksyen-kecil itu boleh—

*Sub by  
R-A 511*

- (a) mengawal, melalui pendaftaran atau selainnya, sesuatu enterpris pelancungan dan boleh menghendaki deposit-deposit daripada enterpris pelancungan itu;
- (b) mengawal cara melucuthak atau menggunakan sesuatu deposit yang disebut dalam perenggan (a);
- (c) mengawal, melalui pendaftaran atau selainnya, pemandu-pemandu pelancung termasuk latihan dan perakuan bagi mereka;
- (d) mengadakan cara bagaimana ses hendak dikenakan dan dipungut;

- (e) mengawal penetapan hotel-hotel pelancung dan restoran-restoran pelancung dan penetapan kadar-kadar bayaran bagi bilik-bilik dan lain-lain perkhidmatan yang diberi dalam hotel-hotel atau restoran-restoran itu dan menghendaki hotel-hotel dan restoran-restoran itu mempamirkan apa-apa maklumat yang dikehendaki oleh Perbadanan;
  - (f) menetapkan amaun caj perkhidmatan yang boleh dikenakan oleh hotel-hotel pelancung dan restoran-restoran pelancung;
  - (g) mengadakan peraturan mengenai cara memasuki dan memeriksa premis, buku-buku, akaun-akaun dan lain-lain dokumen menurut seksyen 12i;
  - (h) mengadakan peraturan mengenai penubuhan dan penyelarasan sekolah-sekolah hotel atau pelayanan dan lain-lain pusat untuk melatih orang-orang bagi memberi perkhidmatan kepada pelancung-pelancung dan enterpris-entrepris pelancungan;
  - (i) mengadakan peruntukan mengenai penubuhan dan pengurusan suatu kumpulan wang simpanan ber-carum bagi pegawai-pegawai dan penjawat-penjawat Perbadanan dan mengenai pembayaran pencen elaun atau ganjaran kepada pegawai-pegawai dan penjawat-penjawat yang tersebut apabila bersara atau sebaliknya berhenti memegang jawatan sebagai pegawai-pegawai dan penjawat-penjawat;
  - (j) menetapkan kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun dan tatacara bagi mengkompaun kesalahan-kesalahan itu.
- (3) Peraturan-peraturan itu—
- (a) boleh menetapkan bahawa apa-apa perbuatan atau ketinggalan yang bersalahan dengan peruntukan mana-mana peraturan adalah menjadi suatu kesalahan; dan
  - (b) boleh mengadakan peruntukan bagi mengenakan penalti-penalti bagi kesalahan-kesalahan itu, yang tidak lebih daripada lima ribu ringgit atau satu tahun penjara atau kedua-duanya.

[Pin. Akta  
A307.]

Rahsia dan penalti.

15. (1) Kecuali bagi maksud Akta ini atau bagi maksud sesuatu pembicaraan jenayah di bawah Akta ini, tiada seorang ahli Lembaga atau pegawai atau penjawat Perbadanan boleh membukakan apa-apa maklumat berkenaan dengan mana-mana satu perniagaan, yang telah didapati olehnya dalam masa menjalankan kewajipan-kewajibannya dan yang tidak disiarkan menurut Akta ini.

(2) Seseorang yang dengan diketahuinya melanggar peruntukan seksyen-kecil (1) adalah bersalah atas suatu kesalahan dan, boleh apabila disabitkan, dikenakan denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun.

Kanun Keseksaan.  
[Pin. Akta A307.]  
N.M.B. Bab 45.

16. Ketua Pengarah, Pengarah atau mana-mana pengarah dan mana-mana pegawai atau penjawat Perbadanan yang dilantik di bawah seksyen 7 hendaklah disifatkan sebagai penjawat awam dalam erti Kanun Keseksaan.

Perlindungan daripada pembicaraan undang-undang.  
[Pin. Akta A307.]

17. (1) Tiada sesuatu tindakan, guaman, pendakwaan atau lain-lain pembicaraan boleh dibawa atau diambil terhadap diri sendiri seseorang ahli Lembaga atau terhadap diri sendiri seseorang pengarah atau pegawai atau penjawat yang dilantik oleh Lembaga berkenaan dengan apa-apa perbuatan yang dilakukan atau pernyataan yang dibuat *bona fide* menurut atau dalam melaksanakan atau bagi maksud melaksanakan Akta ini.

(2) Jika seseorang dikecualikan daripada tanggungan semata-mata oleh sebab peruntukan seksyen ini, Perbadanan adalah bertanggungjawab setakat mana ianya akan bertanggungjawab jika sekiranya orang itu seorang penjawat atau ejen Perbadanan.

Meteri Perbadanan.

18. (1) Perbadanan hendaklah mempunyai suatu meteri dan meteri itu boleh, dari semasa ke semasa, dipecahkan, ditukar, diubah atau dibuat baharu mengikut sebagaimana yang difikirkannya patut :

Dengan syarat bahawa sehingga suatu meteri diadakan di bawah seksyen ini, suatu cap mengandungi perkataan "Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia" boleh digunakan sebagai suatu meteri.

(2) Segala suratikatan, dokumen, dan lain-lain suratcara yang memerlukan meteri Perbadanan hendaklah dimeterikan dengan sewajarnya di hadapan dua orang ahli Lembaga yang akan menandatangani tiap-tiap suratikatan, dokumen atau suratcara yang dimeteri itu; dan tandatangan itu

hendaklah, tanpa diakusaksi selanjutnya, menjadi keterangan yang cukup bahawa meteri itu telah dicapkan dengan sempurna dan sewajarnya dan bahawa meteri itu adalah meteri Perbadanan yang sah.

19. Lembaga boleh, dengan suatu suratcara bertulis yang dimeteri dengan meteri Perbadanan, mewakili kepada seseorang atau sesuatu badan mana-mana daripada kewajipannya yang perlu dijalankan di dalam atau di luar Malaysia:

Perwakilan  
oleh  
Lembaga.

Dengan syarat bahawa mana-mana orang atau badan itu tidak mempunyai apa-apa kuasa mengawal Kumpulanwang dan hendaklah bertindak dalam semua hal mengikut arahan Lembaga.

20. (1) Menteri boleh memberi kepada Lembaga apa-apa arahan yang difikirkannya patut yang tidak berlawanan dengan peruntukan-peruntukan Akta ini tentang penjelasan dan pelaksanaan oleh Lembaga akan kuasa-kuasa, kewajipan-kewajipan dan tugas-tugasnya di bawah Akta ini, dan Lembaga hendaklah melaksanakan semua arahan itu.

Arahan-  
arahan oleh  
Menteri.  
[Pin. Akta  
A307.]

(2) Lembaga hendaklah memberi kepada Menteri apa-apa maklumat yang dikehendakinya dari semasa ke semasa berkenaan dengan harta dan aktiviti-aktivitinya.

21. (1) Tiada siapa yang ada mempunyai secara langsung atau secara taklangsung, dengan sendirinya atau melalui pekongsinya, sesuatu syer atau kepentingan dalam sesuatu kontrak dengan, untuk atau bagi pihak Perbadanan, layak diambil bekerja sebagai pegawai atau penjawat perbadanan.

Tidak layak  
diambil  
bekerja  
sebagai  
pegawai-  
pegawai  
Perbadanan.

(2) Seseorang pegawai atau penjawat yang dilantik oleh Lembaga yang ada mempunyai atau memperoleh sesuatu syer atau kepentingan tersebut boleh, menurut budibicara Lembaga, dibuang kerja terus tanpa notis.

22. Ordinan No. 54 (Kuasa-kuasa Perlu) Darurat, 1970 adalah dengan ini dimansuhkan.

A - 9 571  
Pemansuhan.

#### JADUAL

(Seksyen 5)

#### BAHAGIAN I

#### LEMBAGA PENGURUS

1. Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan ahli-ahli Lembaga hendaklah memegang jawatan selama tempoh satu hingga tiga tahun dan adalah layak dilantik semula.

[Pin. Akta  
A307.]

(1A) Timbalan Pengerusi hendaklah, apabila Pengerusi tidak hadir, mempengerusikan mesyuarat Lembaga.

[Jadual]

22

AKTA 72

2. Jawatan seseorang ahli Lembaga hendaklah dikosongkan:
  - (a) jika ia mati;
  - (b) jika ia tidak lagi berkeelayakan;
  - (c) jika ia menjadi bankrap, gila atau taksempurna akal;
  - (d) jika ia tidak menghadiri mesyuarat tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran Lembaga; atau
  - (e) jika sekiranya perletakan jawatannya diterima oleh Menteri.
3. Tempoh jawatan bagi seseorang ahli yang dilantik untuk menggantikan seorang ahli lain yang telah mengosongkan jawatannya ialah selama baki tempoh jawatan ahli yang kemudian tersebut itu asalnya dilantik.
4. Pengerusi Lembaga atau Timbalan Pengerusi, jika Pengerusi tidak ada, adalah berkuasa memanggil mesyuarat Lembaga apabila difikirkannya perlu.
5. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini, Lembaga boleh menetapkan tatacaranya sendiri.

BAHAGIAN II

(Dimansuhkan oleh Akta A307).